



SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/04/06_08 (HQ)

TNB PERKUKUH KOMITMEN HOKI NEGARA, PERKENAL BARISAN DAN IDENTITI BAHARU MUSIM 2026

- TNB umum barisan pemain bagi kedua-dua pasukan, TNB ThunderStars dan TNB Thunderbolts, jersi rasmi baharu serta identiti TNB ThunderStars bagi menghadapi Liga Hoki Malaysia (MHL) 2026
- Dua pasukan—TNB ThunderStars (pasukan utama) dan TNB Thunderbolts (skwad pembangunan)—digerakkan melalui ekosistem pembangunan bakat TNB sejak 2008

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan barisan pemain, jersi rasmi baharu serta melancarkan identiti baharu pasukan utama, TNB ThunderStars, sebagai persiapan menghadapi Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2026. Majlis pelancaran berlangsung di Ibu Pejabat TNB, Bangsar pada 6 April 2026.

Dalam ucapannya, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, menegaskan komitmen berterusan TNB dalam memperkukuh pembangunan hoki negara di samping memburu kejayaan kompetitif.

“Kami optimis untuk memberikan cabaran sengit dalam liga dan Piala TNB. Tidak mustahil untuk mengulangi kejayaan berganda seperti yang dikecapi pada 2024. Dalam masa sama, TNB akan meneruskan peranan sebagai peneraju utama sukan hoki negara melalui pembangunan bakat muda yang mampan,” katanya.

TNB telah beraksi dalam MHL sejak 1987 tanpa terlepas satu musim dan kali terakhir muncul juara berganda Liga dan Piala TNB pada 2024.

Struktur Pasukan Musim 2026

Untuk musim ini, TNB menurunkan dua pasukan: TNB ThunderStars sebagai pasukan utama dan TNB Thunderbolts sebagai skuad pembangunan.

Pemilihan pemain ThunderStars merangkumi pemain elit serta bakat terbaik yang digilap melalui program Thunderbolts, mencerminkan kesinambungan laluan pembangunan TNB.

TNB ThunderStars akan membuka tirai kempen menentang Terengganu Hockey Team (THT) pada 11 April 2026 dalam aksi Piala Sumbangsih, manakala TNB Thunderbolts akan berdepan UiTM HA-KPT bagi perlawanan pembukaan liga.

Identiti Baharu: TNB ThunderStars

Pelancaran TNB ThunderStars menandakan evolusi penjenamaan hoki TNB, yang membezakan pasukan utama daripada skuad pembangunan Thunderbolts serta memperkukuh kedudukan sebagai pasukan elit dalam struktur hoki TNB.

Nama “Thunder” melambangkan kuasa dan tenaga, manakala “Stars” mencerminkan kecemerlangan serta status elit pasukan TNB.

Penjenamaan ini menggambarkan aspirasi TNB untuk mengekalkan standard prestasi tinggi dan daya saing dalam liga.

Pembangunan Bakat Melalui Program Thunderbolts

Sebagai tunjang pembangunan jangka panjang, Program Thunderbolts terus memainkan peranan penting dalam melahirkan pemain hoki berkualiti.

Sejak ditubuhkan pada 2008, program ini merangkumi pembangunan berstruktur dari peringkat sekolah hingga ke pentas antarabangsa, dengan aliran jelas ke pasukan utama TNB.

Bagi musim 2026, tiga pemain muda daripada program ini diserapkan ke skuad utama, mencerminkan keberkesanan sistem pembangunan yang konsisten.

Majlis turut menyaksikan pelancaran jersi rasmi baharu bagi kedua-dua pasukan, TNB ThunderStars dan TNB Thunderbolts untuk musim 2026.

Reka bentuknya mencerminkan identiti moden, dinamik dan kompetitif selari dengan aspirasi kedua-dua pasukan.

Komitmen TNB Terhadap Hoki Sejak 1975

Peranan TNB dalam arena hoki negara bermula pada 1975 apabila Padang TNB Bangsar menjadi salah satu gelanggang rasmi Piala Dunia Hoki, yang menyaksikan Malaysia menamatkan saingan di tangga keempat, antara pencapaian terbaik negara.

Sejak itu, TNB kekal sebagai penyumbang utama kepada pembangunan hoki tanah air melalui sokongan berterusan terhadap liga domestik, program akar umbi serta pembangunan bakat generasi baharu. Graduan Thunderbolts terus menyumbang kepada pasukan TNB dan seterusnya mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 April 2025, jam 4:30 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris di 019-2617617

/Grace Tan 016-6626229/ Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami di: media@tnb.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (10 dari kanan), bersama Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB, Datuk Ir. Azmi Md Yusof (10 dari kiri), barisan pengurusan tertinggi bergambar bersama pemain TNB ThunderStars dan TNB Thunderbolts yang bakal beraksi dalam TNB Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2026 mulai 11 April 2026.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (tujuh dari kiri), diiringi Datuk Ir. Azmi Md Yusof (enam dari kiri) serta barisan pengurusan tertinggi TNB, terima jersi rasmi baharu TNB ThunderStars daripada ketua pasukan TNB ThunderStars, Nik Muhammad Aiman bin Nik Rozemi, sebagai simbolik pelancaran identiti baharu dan penyertaan pasukan itu dalam Liga Hoki Malaysia (MHL) 2026. Jersi tersebut menampilkan rekaan moden dan dinamik yang selari dengan aspirasi pasukan untuk mencapai prestasi cemerlang musim ini.



Penjenamaan semula pasukan hoki TNB, yang kini dikenali sebagai TNB ThunderStars — simbol semangat baharu dan aspirasi yang lebih tinggi, sekali gus memperkukuh peranan pasukan utama sebagai skuad elit, berbeza daripada TNB Thunderbolts yang kekal sebagai pasukan pembangunan. Nama “Thunder” melambangkan kuasa dan tenaga, manakala “Stars” mencerminkan kecemerlangan serta status elit pasukan TNB.

**Senarai Nama
TNB Malaysian Hockey League (Primier) 2026**

Nama Pasukan: TNB ThunderStars

No. Jersi	Nama
32	Azimuddin Syakir bin Kamaruddin
19	Muhammad Amirul Hamizan bin Azahar
11	Mohamad Akhimullar bin Anuar Esook
22	Norsyafiq bin Sumantri
44	Muhamad Ramadan bin Rosli
6	Muhammad Marhan bin Mohd Jalil
28	Zul Pidaus bin Mizun
7	Muhammad Adam Ashraf bin Mohd Johari
13	Muhammad Danish Aiman bin Khairil Anuar
9	Shazril Irwan bin Nazli
8	Syarman bin Mat Tee
10	Naaveennash Panicker a/l s Thevendran
29	Mohammad Hairi bin Abd Rahman
16	Mohamad Rafaizul bin Mohamad Sani
18	Faiz Helmi bin Jali
14	Muhammad Fahmi bin Khalid
12	Muhammad Aminudin bin Mohd Zain
5	Andywalfian Jeffrynus
25	Jang Jong Hyun
1	Syed Mohd Syafiq bin Syed Mohd Cholan
23	Muhammad Azrai Aizad bin Abu Kamal
15	Shello Silverius
2	Muhammad Najib bin Abu Hassan
24	Nik Muhammad Aiman bin Nik Rozemi
20	Muhammad Syawal bin Abd Razak

Pengurus/ Manager : Samsul Ariffin bin Zainuddin
 Penolong Pengurus/ Asst. Manager : Adam Izamry
 Jurulatih/ Head Coach : Mohd Madzli Ikmar bin Mohd Nor
 Penolong Jurulatih/ Asst. Coach : Haji Nor Azlan bin Haji Bakar
 Doktor/Fisio/Massuer : M. Hashim bin Yahya

**TNB Malaysian Hockey League (Premier) 2026
April-May 2026 & October-November 2026**

Nama Pasukan: TNB Thunderbolts

No. Jersi	Nama
1	Jebat Aiman Bin Mohd Jeffri
6	Muhammad Nabil Irfan Bin Mohd Yusof
7	Dheeresh Gunaseelan
8	Shafiq Adam Harriss Bin Suzaini
9	Aferull Syah Bin Ahmad Azuan Syahrill
10	Muhammad Atif Aqil Bin Zubir
11	Shafiq Ammar Fahmi Bin Suzaini
12	Gagandeep Singh A/L Aphthar Singh
13	Mohamad Syazwan Bin Mohd Shamsul
14	Muhammad Saiful Syahfy Bin Mohd Baddruddin
15	Muhamad Harith Afi Bin Muhammad Rishamudin
16	Iman Faris Bin Faizo
18	Rahuul Fazrien Bin Muhammad Nazrien
19	Yogeswaran A/L Nagulan
20	Harieq Hadief Bin Mohd Fariq
21	Mohamad Adib Amsyar Bin Mohammad Hanif (GK)
22	Haziq Muizzuddin Bin Hairul Mizan (GK)
23	Muhammad Asyraff Bin Ismail
27	Muhammad Faiz Afzan Bin Mohd Faizal
30	Muhammad Safwan Bin Salihe

Pengurus/ Manager : Muhammad Hariz Bin Mua'anaff
 Penolong Pengurus/ Asst. Manager : Muhamad Amin Bin Rahim
 Jurulatih/ Head Coach : Nor Saiful Zaini Bin Nasiruddin
 Penolong Jurulatih/ Asst. Coach : Kaliswaran A/L Muniandy
 Doktor/ Fisio/ Massuer : Abdul Thaqif bin Abdul Rizal